

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	11 DECEMBER 2016

## PPBM pertahan DAP

um- 11/12/2016

**ALOR SETAR 10 Dis.** - Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) yang ditunjangi Tun Dr. Mahathir Mohamad kini seolah-olah menjadi lidah rasmi DAP apabila dilihat cuba meyakinkan rakyat terutama orang Melayu mengenai kerjasama dengan parti yang terkenal dengan sikap perkauman itu.

Timbalan Presiden PPBM, Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir dalam ceramahnya semalam cuba memberi jaminan kepada orang Melayu bahawa hak istimewa mereka tidak akan hilang sekiranya pakatan pembangkang yang diketuai DAP menang pilihan raya umum (PRU) akan datang.

"Saya nak ingatkan bahawa DAP bertanding maksimum 55 kerusi Parlimen setiap kali PRU. Dia (DAP) menang 37, maksudnya ada yang mereka kalah. DAP bertanding di kawasan-kawasan yang jumlah pengundi Cina ramai dan lawannya adalah MCA atau Gerakan.

"Kalau DAP menang, memang calonnya Cina tapi kalau mereka kalah, calonnya tetap Cina juga. Dakwaan hak orang Melayu akan terhapus jika DAP menguasai kerajaan adalah tidak betul. Inilah tohmahan yang disebarkan oleh pemimpin UMNO itu sendiri. Kita ini tak bersikap macam itu, kita tidak langsung nak bangkitkan soal perkauman lagi.

"Saya nak bagi jaminan kalau kami dan rakan-rakan kami dalam pakatan pembangkang

menang dalam PRU-14 (Pilihan Raya Umum Ke-14), kami akan jaga semua hak orang termasuk hak orang Melayu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan," katanya ketika berucap dalam Majlis Perasmian Ibu Pejabat PPBM Pejabat Kedah dan Ceramah Perdana di sini malam semalam.

Mukhriz turut memberi jaminan bahawa DAP kononnya telah bersetuju mengenai empat perkara yang dekat di hati orang Melayu yang sebelum ini lantang dipersoal oleh parti tersebut.

"Hak keistimewaan orang Melayu, bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan, agama Islam sebagai agama Persekutuan dan Raja-raja Melayu seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan akan (tetap) dipertahankan DAP.

"(Persetujuan) Ini dibuat dalam bentuk perjanjian. Saya sendiri dah tengok, jadi tak timbul pun isu kononnya kerajaan pembangkang ini akan menghapuskan hak orang Melayu. Kami akan pertahankan. Kami PPBM akan mempertahankan orang Melayu, jangan bimbang perkara ini," ujarinya.

Sementara itu, Presiden PPBM, Tan Sri Muhyiddin Yassin menafikan Pas sebelum ini meletakkan syarat tidak boleh mengadakan hubungan dengan DAP mahupun PAN jika mahu menjayakan kerjasama tersebut.